



PENGENALAN

Penerbit UniSHAMS merupakan sebahagian entiti Pusat Pengurusan Penyelidikan. Penerbitan atau karya terbitan UniSHAMS merupakan agenda terpenting dalam menjadi alat ukur pengiktirafan kepakaran dan keilmiahan ahli-ahli akademik ke peringkat global dan antarabangsa.

TUJUAN

Garis Panduan dan dokumen ini disediakan dengan tujuan untuk memberi penerangan kepada Pensyarah/Penyelidik tatacara dalam membangunkan dan menguruskan penerbitan akademik, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

OBJKTIF PENERBITAN UNISHAMS

Antara objektif Garis Panduan, Dasar dan Peraturan Penerbitan UniSHAMS adalah seperti berikut:

- a. Untuk meningkatkan penerbitan buku dan bahan terbitan ilmiah dalam pelbagai bahasa (Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab).
- b. Mengembangkan dari segi kualiti dan kuantiti kecemerlangan ilmu dalam bentuk penerbitan bahan/buku ilmiah.
- c. Meningkatkan bilangan penerbitan buku dalam bidang Sains Islam, Kewangan Islam dan juga sains sosial yang lain (Islamic lifestyle, Islamic tourism, halal & dsb).
- d. Meningkatkan pengurusan pemasaran yang efektif dan efisien termasuk pembelian buku secara atas talian (online bookstore).
- e. Menjana pendapatan universiti melalui jualan bahan-bahan terbitan ilmiah.
- f. Meningkatkan promosi buku-buku terbitan UniSHAMS di dalam dan luar negara.